

D391

R B891 AAB
MAHATHIR - PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 8 OGOS (BERNAMA) -- SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL CHIEF EMEKA ANYAOKU TIDAK KEBERATAN MENGHANTAR PASUKAN PEMERHATI UNTUK MELIHAT PERJALANAN PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MEMBINCANGKAN PERKARA ITU DENGAN CHIEF ANYAOKU DALAM PERTEMUAN DI LONDON SEMASA BELIAU DALAM PERJALANAN PULANG DARI LAWATAN LIMA HARI KE VENEZUELA.

+SAYA MENERANGKAN KEPADANYA APA YANG DIMAKSUDKAN SEBAGAI PEMERHATI KERANA NAMPAKNYA ADA SEDIKIT KEKELIRUAN MENGENAINYA,+ KATA BELIAU PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR DI SUBANG. MALAM INI.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR SEBAGAI PEMERHATI, PASUKAN ITU TIDAK MEMPUNYAI BIDANG TUGAS SEBAGAI SURUHANJAYA PENYIASAT UNTUK MENILAI CORAK PILIHAN RAYA DI NEGARA INI.

BAGAIMANAPUN KATANYA, BELIAU BELUM MENULIS SECARA RASMI KEPADA CHIEF EMEKA MENGENAI KEPUTUSAN KERAJAAN MENJEMPUT PEMERHATI DARI KOMANWEL ITU. -- LAGI
2321MST 08 08 90

D392

R B892 AAB
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 2 KUALA LUMPUR

INI KERANA BEBERAPA ORANG TERMASUK KETUA PEMBANGKANG, ENCIK LIM KIT SIANG TELAH MEMINTA UNTUK MENGADAKAN PERTEMUAN DENGANNYA TERLEBIH DAHULU UNTUK BERBINCANG MENGENAI JEMPUTAN DAN BIDANG TUGAS PEMERHATI KOMANWEL ITU, KATANYA.

MENGENAI PEMECATAN PUAN BENAZIR BHUTTO SEBAGAI PERDANA MENTERI PAKISTAN OLEH PRESIDEN GHULAM ISHAQ KHAN KELMARIN, BELIAU BERKATA MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA LAIN TIDAK BERHAK MENCAMPURI URUSAN DALAMAN NEGARA BERKENAAN.

+SEMUANYA BERGANTUNG KEPADA UNDANG-UNDANG NEGARA ITU SENDIRI...KALAU PRESIDENNYA DIBERIKAN KUASA MELUCUTKAN JAWATAN PERDANA MENTERI, KITA TIDAK BOLEH MENENTANG,+ KATANYA.

TERPULANGLAH KEPADA PAKISTAN SENDIRI UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH ITU, JELASNYA.

MENGENAI LAWATAN BELIAU KE VENEZUELA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA MEMBAWA HASIL YANG MEMUASKAN DAN BERHARAP DAPAT MENINGKATKAN KERJASAMA BUKAN SAHAJA ANTARA KEDUA-DUA NEGARA TETAPI BAGI SELURUH SELATAN-SELATAN.

BELIAU MENDAPANGKAN PIHAK SWASTA TEMPATAN SUPAYA MENGAMBIL KESEMPATAN TERJADU PERJANJIAN YANG DITANDATANGANI OLEH KEDUA-DUA NEGARA UNTUK MEMPERLUASKAN BIDANG KERJASAMA DENGAN RAKAN PERNIAGAAN DI NEGARA ITU. -- BERNAMA
2323MST 08 08 90